

09 FEB 1999

Najib-Penuntut

PERTEMUAN DR MAHATHIR DENGAN PENUNTUT MEMBERI GAMBARAN SEBENAR

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 9 Feb (Bernama) -- Pertemuan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan penuntut-penuntut Malaysia di London minggu lepas memberikan mereka gambaran yang lebih jelas mengenai perkembangan politik di tanah air, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Jawapan Dr Mahathir kepada soalan-soalan mereka telah membantu menjelaskan keadaan. Tetapi ini harus diteruskan," kata Najib sebagai respon kepada kritikan beberapa ahli politik bahawa para penuntut Malaysia di luar negara tidak diberi gambaran sebenar mengenai apa yang berlaku di tanah air.

Semasa pertemuan dengan penuntut itu, seorang daripada penuntut dikatakan telah meminta Perdana Menteri meletakkan jawatan kerana isu Anwar.

Najib berkata, sementara Menteri-menteri digalakkan memberi taklimat kepada penuntut semasa berada di luar negara, mereka mungkin tidak dapat bertemu dengan semua penuntut dan para penuntut pula hanya mahu mendengar kata-kata ahli politik yang mereka sanjungi.

"Segala usaha telah diambil untuk memastikan mereka mendapat gambaran jelas. Selagi melibatkan keadaan politik di Malaysia, adalah sangat penting bagi kita untuk terus mengekalkan sokongan tidak berbelah bahagi kepada Dr Mahathir kerana beliau merupakan tonggak sistem kita.

"Kita sedang berdepan dengan cabaran-cabaran ekonomi dan politik dalam jangka pendek. Adalah penting bagi kita menyokong kepimpinan beliau untuk memastikan kestabilan yang berterusan dan untuk mengatasi masalah-masalah yang kita hadapi," kata beliau.

Najib berkata sudah pasti ada penuntut yang tidak akan bersetuju dan mempunyai pandangan negatif tetapi adalah lebih baik untuk mengetahui mengapa mereka tidak puas hati supaya isu-isu boleh ditangani.

"Kita menggalakkan dialog, forum dan mesyuarat-mesyuarat ada kalanya penuntut bersikap kritikal. Tetapi dengan sikap kritikal mereka kita boleh mengambil kesempatan untuk meredakan kebimbangan mereka terhadap apa yang berlaku di Malaysia," kata beliau.

Beliau berkata, Jabatan Penuntut Malaysia dan kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negara akan terus memainkan peranan mereka dengan menyediakan maklumat terkini kepada penuntut-penuntut Malaysia.

Najib juga berkata, Umno mesti berusaha lebih lagi untuk menyebarkan mesej parti dan menjalankan lebih banyak lagi program-program bagi generasi muda untuk menarik mereka menyertai Umno dan lebih komited kepada perjuangan Umno.

Najib berada di sini kerana menghadiri mesyuarat Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara (Seameo).

Mesyuarat Seameo itu memutuskan untuk menggunakan teknologi maklumat (IT) bagi membina rangkaian pendidikan merentasi rantau untuk memperkukuhkan latihan sumber manusia walaupun kegawatan sekarang ini.

Projek internet sedia ada menghubungkan sekolah-sekolah di rantau itu akan diperluaskan untuk memasukkan lebih banyak topik dan penuntut dari negara-negara anggota dan juga akan membabitkan pengajaran bahasa kata satu kenyataan daripada Seameo.

Mesyuarat Seameo selama dua hari itu berakhir hari ini dan Indonesia akan menjadi tuan rumah mesyuarat Seameo akan datang pada 2000.

-- BERNAMA

TCL PR

